

Dedah ilmu teknologi makanan

BATU PAHAT - Karnival Food Intech 2015, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang dianjurkan mendedahkan kepada umum ilmu bidang pemakanan.

Karnival yang bakal diadakan secara tahunan itu dianggap paling berjaya kerana menarik pelbagai lapisan masyarakat, selain pelajar UTHM.

Pengarah program, Rabieatul Adawiyah Md Akhir berkata, program berkenaan dilaksanakan Pelajar Tahun 1 hingga 3, Kursus Teknologi Makanan, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan.

Katanya, karnival berkenaan usaha merealisasikan penubuhan kursus Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan meneroka dan berkongsi maklumat mengenai penggunaan teknologi terkini dalam pemprosesan makanan.

"Program ini juga mendedahkan pelajar terhadap bidang keusahawanan dalam industri makanan yang semakin pesat berkembang sekarang ini.

"Dengan kejayaan program kali ini, ia ba-

kal dijadikan acara tahunan dan akan dimuatkan dalam kalender aktiviti UTHM, yang dianjurkan secara bersama dengan agensi luar.

"Diharap ia akan dijadikan satu platform dan menjadi tradisi pelajar kursus Teknologi Makanan di UTHM ini," katanya kelmarin.

Program dirasmikan Timbalan Pengarah Inkubator Teknologi Makanan Mara (Intem), Dr Mazidah Abdul Rahman dan dihadiri Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Khairul Azman Suhaimy.

Menurut Rabietul, program ini sebagai platform memperkenalkan kursus Teknologi Makanan kepada pelajar dan orang luar.

"Dalam karnival ini selain gerai pameran yang disertai pelbagai latar belakang usahawan yang berjaya dalam bidang makanan, turut terlibat 'Food Truck' daripada 30 vendor makanan.

"Pelbagai aktiviti menarik menjadi acara sampingan karnival ini seperti Crazy Feed iaitu memakan makanan dengan cepat walaupun ianya panas serta pedas, Creative Creacker dan Make a Hole," katanya.



Jawatankuasa Karnival Food Intech 2015 UTHM bergambar kenangan selepas program tamat, baru-baru ini.